

09 DEC 1996

PM PULANG DARI LAWATAN KE NETHERLANDS DAN ARAB SAUDI

KUALA LUMPUR, 9 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selamat kembali ke tanahair hari ini selepas melakukan lawatan rasmi ke negara Belanda dan Arab Saudi yang membuka jalan bagi mempererat lagi kerjasama dua hala dengan negara-negara berkenaan.

Ketibaan beliau di lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang disambut oleh timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim dan beberapa menteri Kabinet.

Dr Mahathir yang diiringi rombongan yang termasuk lima menteri semasa lawatannya ke Arab Saudi, juga juga melakukan umrah sebelum pulang.

Lawatannya ke negara itu adalah atas jemputan Raja Fahd.

Dr Mahathir telah menghadap Raja Fahd dan Putera Mahkota Abdullah Abdul Aziz. Beliau juga telah menemui ahli perniagaan Arab Saudi.

Ketika di negara Belanda sebelum itu, Dr Mahathir telah berucap pada Persidangan Panel Global di The Hague sebelum melakukan rasminya. Beliau telah mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya Wim Kok dan telah menghadap Ratu Beatrix. -- BERNAMA

AZZ NMO